# Tanah runtuh Genting Highlands: Awas! Pergerakan tanah masih wujud - Bomba

ASTRO AWANI ONLINE | **November 07, 2019 19:52 MYT**



Kawasan tanah runtuh di Jalan Ion De Element, Genting Highlands. - Sumber foto Astro Awani

**KUALA LUMPUR**: Pergerakan tanah masih wujud di sekitar kawasan runtuhan di Jalan Ion De Element, Genting Highlands yang berlaku pada Selasa lalu.

Menurut Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Genting Highlands Penolong Kanan Penguasa Bomba, Yusry Abdullah Sani, pemeriksaan yang sedang dijalankan mendapati masih wujud pergerakan dan ketika ini pemantauan sedang dijalankan untuk mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

Beberapa kawasan di lokasi runtuhan berkenaan itu ditutup daripada sebarang aktiviti pembinaan, akses kenderaan yang keluar dan masuk juga dikawal.

"Masih terdapat pergerakan tanah dan ekoran dari pemeriksaan, (pergerakan) masih aktif sehingga hari ini. Kita sedang menunggu pihak berwajib untuk membuat kerja-kerja kawalan cerun untuk mengelak berlakunya gelombang kedua di kawasan ini," katanya.

"Jika kadar hujan diterima hari ini tinggi, saya tidak nafikan ada kemungkinan berlaku runtuhan berskala lebih besar apatah lagi wujud pergerakan tanah," tambahnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dikawasan kejadian pada Khamis.

Pemantauan Astro Awani mendapati masih terdapat pergerakan mata air keluar dari sekitar runtuhan.

Dalam kejadian sekitar pukul 5.40 petang Selasa lalu, struktur cerun di Jalan Ion De Element dan hujan lebat berterusan selama lebih 3 jam merupakan antara faktor tanah runtuh di kawasan itu.

Kejadian turut menyebabkan jalan raya yang menghubungkan tiga kediaman termasuk sebuah hotel terputus hubungan akibat ditimbus tanah runtuhan.

Ketika ini, pemantauan Astro Awani mendapati masih terdapat pergerakan mata air keluar dari sekitar runtuhan.